

BERTARIKH HARIBULAN

ANTARA

CIMB BANK BERHAD
[197201001799 (13491-P)]

DAN

SURAT IKATAN PENYERAHHAKAN TAMBAHAN

SURAT IKATAN PENYERAHHAKAN TAMBAHAN INI dibuat pada tarikh dan tahun seperti yang dinyatakan dalam **Seksyen 1 Jadual**

ANTARA

CIMB BANK BERHAD [197201001799 (13491-P)] dengan alamat berdaftaranya di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur ("**Bank**"),

dan

pihak yang dinyatakan dalam **Seksyen 2 Jadual** ("**Penyerah Hak**").

BAHAWASANYA:

- (a) Menurut perjanjian atau perjanjian-perjanjian kemudahan pada tarikh atau tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam **Seksyen 3 Jadual** di bawah ("**Perjanjian Kemudahan Sedia Ada**"), Bank telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan perbankan tertentu ("**Kemudahan Sedia Ada**") kepada pihak yang dinyatakan dalam **Seksyen 5(c) Jadual** ("**Peminjam**") yang dinamakan sebagai peminjam dalam Perjanjian Kemudahan Sedia Ada.
- (b) Melalui Surat Ikatan Penyerahhakan pada tarikh yang dinyatakan dalam **Seksyen 4 Jadual** ("**Surat Ikatan Penyerahhakan**"), Penyerah Hak, sebagai pemilik sah dan benefisial hartanah yang diperihalkan dengan lebih terperinci dalam Surat Ikatan Penyerahhakan ("**Hartanah**"), telah menyerahhakan semua hak, hak milik, manfaat dan kepentingannya dalam dan atas Hartanah kepada Bank sebagai cagaran untuk:
 - (i) pembayaran balik Keberhutangan (seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Kemudahan Sedia Ada); dan
 - (ii) pelaksanaan semua terma dan syarat dalam Perjanjian Kemudahan Sedia Ada oleh Peminjam.
- (c) Melalui perjanjian kemudahan selanjutnya pada tarikh yang dinyatakan dalam **Seksyen 5(a) Jadual** di bawah ("**Perjanjian Kemudahan Baru**"), Bank telah bersetuju untuk memberikan kemudahan perbankan baru dan/atau tambahan seperti yang dinyatakan dalam **Seksyen 5(b) Jadual** mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Kemudahan Baru ("**Kemudahan Baru/Tambahan**") kepada Peminjam dan atas jaminan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini.

MAKA SURAT IKATAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. Sebagai balasan kepada persetujuan Bank untuk menyediakan Kemudahan Baru/Tambahan untuk Peminjam, Penyerah Hak sebagai pemilik sah dan benefisial Hartanah, mengesahkan dan berwaad secara nyata bahawa Surat Ikatan Penyerahhakan (sebagaimana yang ditambah oleh Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini) akan:
 - (i) terus menjamin pembayaran balik Kemudahan Sedia Ada bersama dengan semua faedah dan wang yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan Sedia Ada; dan
 - (ii) menjamin (A) pembayaran balik Kemudahan Baru/Tambahan bersama dengan semua faedah dan wang yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan Baru/Tambahan, dan (B) pematuhan dan pelaksanaan yang wajar semua terma, syarat dan waad oleh Peminjam yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Peminjam, sebagaimana yang terkandung dalam Perjanjian Kemudahan Baru.

2. Surat Ikatan Penyerahhakan dan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini mestilah dibaca dan ditafsirkan sebagai satu dokumen, dan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini hendaklah ditafsirkan sebagai tambahan kepada Surat Ikatan Penyerahhakan. Oleh itu, semua terma dan syarat dalam Surat Ikatan Penyerahhakan (kecuali jika ditambah oleh Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini) akan terus terpakai dan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
3. Melalui suatu surat kuasa wakil pada tarikh yang dinyatakan dalam **Seksyen 6 Jadual** di bawah dan didaftarkan sewajarnya dengan Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak (yang mana berkenaan), Penyerah Hak telah melantik Bank dan setiap orang yang diberi kuasa oleh Bank buat masa ini, untuk menjadi (i) wakil Penyerah Hak dan (ii) untuk mengurusniagakan Hartanah atas nama Penyerah Hak dan bagi pihak Penyerah Hak mengikut peruntukan surat kuasa wakil tersebut ("**Surat Kuasa Wakil**"). Sebagai balasan kepada pemberian Kemudahan Baru/Tambahan oleh Bank kepada Peminjam, Penyerah Hak bersetuju, mengesahkan dan memperakui secara tidak boleh batal dan tanpa syarat bahawa semua kuasa dan hak Bank yang terkandung dalam Surat Kuasa Wakil akan terus berkuat kuasa, berlanjutan dan tersedia untuk Bank seolah-olah Penyerah Hak telah mengeluarkan Surat Kuasa Wakil secara nyata untuk menjamin Kemudahan Baru/Tambahan dan seolah-olah Kemudahan Baru/Tambahan telah dirujuk secara nyata dalam Surat Kuasa Wakil dari mula lagi. Apa-apa rujukan kepada istilah "**Kemudahan**" dalam Surat Kuasa Wakil akan disifatkan sebagai termasuk rujukan kepada Kemudahan Baru/Tambahan, dan apa-apa rujukan kepada "**Perjanjian-Perjanjian**" akan disifatkan sebagai termasuk rujukan kepada Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan.
4. Pelbagai
 - (a) Penyerah Hak mestilah, apabila dituntut, membayar kepada Bank semua fi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini, termasuk apa-apa perbelanjaan yang ditanggung:
 - (i) dalam pewujudan, penguatkuasaan atau penyediaan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini;
 - (ii) dalam pemberian apa-apa notis; atau
 - (iii) dalam pembuatan apa-apa tuntutan,menurut Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini (termasuk fi peguam cara Bank atas dasar peguam cara dan pelanggan dan duti setem dan fi yang kepadanya Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini tertakluk).
 - (b) Dengan ini adalah dipersetujui dan diperakui secara nyata bahawa Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini, Perjanjian Kemudahan Baru dan dokumen cagaran lain (jika ada) merupakan instrumen yang digunakan dalam satu transaksi untuk menjamin semua wang atau liabiliti (termasuk faedah dan perbelanjaan yang boleh dikenakan sebagaimana yang kena dibayar dan terhutang pada masa ini atau masa hadapan di bawah Perjanjian Kemudahan Baru) dan bagi tujuan Seksyen 4(3) Akta Setem 1949, Perjanjian Kemudahan Baru adalah disifatkan sebagai instrumen primer atau utama dan Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini dan dokumen cagaran lain (jika ada) adalah disifatkan sebagai instrumen tambahan atau sekunder.

[Akhir Muka Surat]

JADUAL (yang hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini)		
Seksyen	Perkara	Butiran
1.	Tarikh Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini	
2.	Nama, perihalan dan alamat Penyerah Hak	
3.	Tarikh Perjanjian Kemudahan Sedia Ada	
4.	Tarikh Surat Ikatan Penyerahhakan	
5.	(a) Tarikh Perjanjian Kemudahan Baru	
	(b) Perihalan Kemudahan Baru dan/atau Tambahan	
	(c) Nama, perihalan dan alamat Peminjam	
6.	Tarikh Surat Kuasa Wakil	

DITANDATANGANI OLEH Wakil Bank dan Penyerah Hak pada tarikh dan tahun yang dinyatakan di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak)
CIMB BANK BERHAD)
oleh Wakilnya di hadapan:-)

Ditandatangani oleh Penyerah Hak)
di hadapan:-)

Saya, _____, sebagai Peminjam yang dinamakan dalam Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini, dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran secara tanpa syarat untuk terikat dengan terma dan syarat Surat Ikatan Penyerahhakan Tambahan ini (setakat yang saya boleh terikat oleh dan melaksanakan terma dan syarat tersebut secara sah di sisi undang-undang), dan berwaad selanjutnya untuk memastikan bahawa Penyerah Hak mematuhi terma dan syarat tersebut.

Ditandatangani oleh Peminjam)
di hadapan:-)